

TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI
MAJLIS PERASMIAN KARNIVAL KERJAYA SEKTOR
PERTANIAN

DI DEWAN TUN RAZAK 4, PWTC, KL
SABTU – 8 SEPTEMBER 2012
WAKTU – 2.30 PETANG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam 1 Malaysia.

Terima kasih Saudara/ri Pengacara Majlis

**YBhg. Dato' Mohd Hashim Bin Abdullah
Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani**

**YBhg. Profesor Dr. Raduan bin Che Rose
Naib Canselor, Universiti Malaysia Kelantan**

**YBhg. Tuan Haji Suhadi bin Komar
Ketua Pengarah
Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera
(PERHEBAT)**

**YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Abu Shah
Ahli Lembaga Pemegang Amanah Kanan, PEMBINA**

**Ketua-Ketua Jabatan/Agensi, Pegawai Kanan
Jabatan/Agensi,**

Wakil Media Massa,

**Dif-dif jemputan, Tuan-tuan, Puan-puan, saudara dan
saudari belia dan beliawanis yang saya hormati sekalian.**

1. Bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah rahmatnya kita dapat sama-sama berkumpul di Dewan Tun Razak 4, PWTC ini memeriahkan majlis perasmian Karnival Kerjaya Sektor Pertanian 2012. Karnival ini akan berlangsung selama 2 hari ini, bermula sejak pagi tadi sehingga esok 9 September. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian kerana berjaya melaksanakan program yang banyak memberi manfaat, berinformasi dan memberi peluang kerjaya kepada pengunjung.

2. Saya juga dimaklumkan sempena Karnival ini ada tiga (3) Memorandum Persefahaman akan ditandatangani antara Kementerian ini dengan Universiti Malaysia Kelantan, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dan Pemuafakatan Badan Ilmiah Nasional (PEMBINA). Ketiga-tiga MOU ini menekankan kerjasama dalam program-program pembangunan modal insan.

3. Kerjasama yang dijalankan ini menggunakan pendekatan *National Blue Ocean Strategic*. Melalui

kerjasama ini kesemua pihak terlibat dapat bekerjasama dalam pembangunan modal insan dengan memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada dengan cara perkongsian maklumat dan tenaga serta dapat meminimumkan kos pengurusan sesuatu program yang akan dilaksanakan.

4. MOU kementerian ini dengan pihak Universiti Malaysia Kelantan akan mewujudkan kerjasama di dalam pembangunan dan latihan kemahiran, menyediakan program dan laluan untuk pengajian di Universiti Malaysia Kelantan

bagi pelajar-pelajar NATC dan pegawai MOA, Membangunkan ladang-ladang pertanian secara komersial, menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam sektor pertanian dan membangunkan program keusahawanan tani untuk pelajar NATC.

5. Kerjasama dengan pihak PERHEBAT pula merangkumi perkara-perkara seperti Membangunkan modul latihan kemahiran pertanian untuk keperluan semasa bagi pesara dan bakal pesara ATM, menyediakan kepakaran dan

kemudahan bagi melaksanakan program-program latihan secara berterusan, mewujudkan peluang kerjaya dalam sektor pertanian kepada pesara ATM yang menjalani program latihan kemahiran pertanian dan mewujudkan peluang pemasaran produk pertanian kepada pesara ATM melalui penglibatan Jabatan dan agensi.

6. Kerjasama dengan PEMBINA pula dapat meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar Melayu yang cemerlang dan berterusan melalui program-program yang terancang

dan menepati sasaran. Aspek kerjasama yang akan dijalankan dengan pihak PEMBINA ini pula adalah pembangunan modal insan, pengajian lanjutan, pembelajaran, penyediaan kurikulum latihan dalam bidang pertanian yang merangkumi tanaman, perikanan, ruminan, agro-industri dan keusahawanan tani.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Sektor pertanian khususnya industri agromakanan adalah salah satu sub sektor yang penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi negara dan memerlukan transformasi bagi mencapai status negara maju menjelang 2020.

8. Namun begitu, kekurangan tenaga kerja yang mahir dan separa mahir terus menjadi cabaran dalam industri agromakanan. Persekitaran kerja yang kurang kondusif, peluang kerjaya yang terhad, upah yang rendah dan persepsi negatif masyarakat terhadap sektor ini menyebabkan

generasi muda tidak berminat untuk bekerja dalam industri ini berbanding sektor perkhidmatan dan pembuatan.

9. Dasar-dasar nasional yang digubal oleh kerajaan, seperti Dasar Agromakanan Negara (2011-2020), Pelan Strategik Komoditi (2009-2020), Model Ekonomi Baru (2011-2020), Dasar Pendidikan Tinggi Negara (2004-2020) dan Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional Negara (2011-2020) ini memberi penekanan kepada pembangunan modal insan, pencapaian negara berpendapatan tinggi,

mengurus perdana latihan kemahiran dan membudayakan sifat keusahawanan. Oleh itu kementerian ini melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) telah menggariskan Hala Tuju Latihan Agromakanan Negara 2012-2020.

10. Halatuju Latihan Agromakanan 2012 -2020 telah dibentang dan diluluskan perlaksanaannya melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Modal Insan (JKPMI) pada 10 Februari 2012. Halatuju ini menggariskan langkah-langkah pelaksanaan pembangunan

modal insan bagi menyokong Dasar Agromakanan Negara (DAN) 2011 – 2020 seterusnya memastikan bekalan sumber tenaga kerja dalam sektor pertanian khususnya industri agromakanan mencukupi.

11. Halatuju ini mensasarkan golongan belia bagi mewujudkan generasi pelapis pertanian. Sifat mereka yang mudah untuk menerima dan menyesuaikan diri (adopt and adapt) serta *technology-savvy* perlu dimanfaatkan untuk membentuk generasi pelapis yang lebih berjaya daripada

pengamal pertanian sedia ada. Selain itu kursus-kursus *upskilling* turut disasarkan kepada petani, penternak, nelayan dan usahawan sedia ada serta golongan pesara. Kementerian saya juga telah berkerjasama dengan pihak PERHEBAT (Persatuan Hal – Ehwal Bekas Angkatan Tentera) bagi menarik minat pesara tentera menceburi bidang pertanian.

12. Kerajaan pada masa ini amat mengutamakan dan menitik berat sistem penyampaian demi kepentingan rakyat.

Sejajar dengan itu gagasan 1 Malaysia bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dengan berteraskan beberapa nilai penting yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Bagi mendukung aspirasi ini, setiap Kementerian telah dipertanggungjawabkan dengan Bidang Keberhasilan Utama (*Key Result Area* atau *KRA*) dan Petunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicator* atau *KPI*) yang harus dilaksanakan bagi memastikan gagasan tersebut tercapai sepenuhnya.

13. Kejayaan melahirkan graduan berkualiti daripada Institut Latihan Pertanian (ILP) diharapkan dapat merealisasikan dasar tersebut melalui peningkatan taraf hidup mereka sebagai generasi pelapis pertanian. Justeru itu, kementerian akan sentiasa dan terus menyokong serta memberi galakan kepada para graduan sama ada untuk memulakan atau mengembangkan potensi dan pengeluaran perusahaan masing-masing.

14. Untuk berjaya dengan cemerlang, peningkatan produktiviti modal insan adalah perkara utama yang perlu diberi perhatian. Kementerian saya akan memastikan pembangunan modal insan sektor pertanian akan terus diperkasakan bagi memenuhi aspirasi negara ke arah menjadi pengeluar makanan yang mencukupi menjelang tahun 2020. Persediaan perlu dilakukan dari sekarang bagi menjamin bekalan makanan berterusan dan sumber pendapatan negara dapat dipertingkatkan.

15. Sasaran projek-projek NKEA pertanian dan unjuran di bawah Dasar Agromakanan Negara, 83,600 keperluan tenaga kerja sektor agromakanan diperlukan sehingga tahun 2020. Melalui program-program pembangunan modal insan, Kementerian saya mensasarkan seramai 107,000 orang tenaga kerja mahir dan profesional akan diwujudkan menjelang tahun 2020 menerusi sumbangan institusi latihan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pihak swasta.

16. Adalah dijangka lebih 24,000 tenaga kerja mahir dan professional yang dilatih akan menjadi usahawan tani. Seramai 773,000 orang pula akan dilatih menerusi latihan jangka pendek atau *upskilling*.

Hadirin sekalian,

17. Kerajaan sentiasa memberikan penekanan dalam membangunkan modal insan yang berkualiti tidak kiralah di sektor apa sekalipun. Namum dalam sektor pertanian,

Kementerian saya akan memastikan pembangunan modal insan di sektor ini akan dilaksanakan dengan teliti dan teratur bagi menyokong pencapaian tenaga kerja sektor pertanian menjelang 2020. Kementerian ini akan menjadikan pembangunan modal insan sebagai peneraju transformasi sektor pertanian dan memastikan masyarakat akan menyedari potensi bidang pertanian setanding bidang lain.

18. Apa yang penting usaha kementerian saya adalah untuk memastikan bahawa industri agromakanan ini menjadi

sumber pertumbuhan ekonomi di samping dapat menjamin bekal makanan negara yang dikeluarkan sendiri oleh tenaga kerja mahir sektor pertanian yang terdiri daripada golongan belia

19. Akhir kata, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas kepada urus setia NATC, semua Jabatan dan Agensi MOA, Jobs Malaysia, Skill Malaysia dan tuan-tuan yang sudi melapangkan masa untuk hadir di sini pada hari

ini. Besarlah harapan saya agar karnival ini akan dapat diteruskan setiap tahun.

20. Dengan lafaz **Bismillahir Rahmanir Rahim, saya merasmikan KARNIVAL KERJAYA SEKTOR PERTANIAN 2012**

Sekian, Wabillahi Taufik Wal hidayah Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarokatuh.... Terima Kasih